

Adaptasi Skrip Ke Pentas: *Menunggu Lampu Hijau* Karya Hatta Azad Khan

Adaptations Script To Stage: Waiting For The Green Light by Hatta Azad Khan

Fathin Ezaty Binti Md Sukri,
¹Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: A165450@siswa.ukm.edu.my
¹nurafifah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Menunggu Lampu Hijau adalah teater yang telah diadaptasikan dari skrip *Menunggu Lampu Hijau* (2015) karya Hatta Azad Khan. Teater monodrama ini dipersembahkan pada tahun 2018 menjadi fenomena dalam dunia teater negara melalui sambutan yang menggalakkan yang diterima oleh penonton. Kajian ini bertujuan meneliti adaptasi naskah monodrama ini ke pentas. Perbandingan bertujuan meneliti perbezaan dan persamaan di antara skrip dan teater yang telah diadaptasikan. Bagi memperolehi data, reka bentuk kajian kualitatif dirangka dengan kajian perpustakaan sebagai instrumen kajian utama. Antara bahan yang digunakan untuk memperolehi data adalah bahan bercetak dan digital, termasuk rakaman teater Monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Dapatan dalam dalam artikel ini adalah, pengarang telah mengadaptasikan secara terus skrip asal dengan perubahan yang sedikit. Semua aspek dalam babak satu sehingga lapan dikekalkan. Tema, plot dan semua watak dan perwatakan dalam karya dikekalkan serta ditampilkan sepertimana dalam karya di atas pentas. Adaptasi ini amat setia dengan naskah asalnya disebabkan penulis dan pengarah teater ini adalah individu yang sama.

Kata kunci: adaptasi, monodrama, teater, pengarah, Hatta Azad Khan

ABSTRACT

Menunggu Lampu Hijau is a theater that has been adapted from the script *Menunggu Lampu Hijau* work from Hatta Azad Khan. This monodrama theater performance in 2018 has become a phenomenon in the national theater world through the overwhelming response received by the audience. This research for the adaptation of this monodrama script to stage. Comparison and equation analyzed based on theme, plot and character. Comparison for research at the differences and similarities that exist between adapted scripts and theaters. To get data, research design qualitative design with library study as the main research instrument. the materials used to obtain data are printed and digital materials, including recordings Monodrama theater *Waiting for The Green Light*. Insights in this article, the author has directly adapted the original script with a little change. All aspects of round one through eight were retained. Themes, the plot and all the characters and characters in the work are preserved as well as featured in the work on stage. This adaptation is very faithful to its original script because the writer and director of this theater is the same person.

Keywords: *adaptation, monodrama, theater, director, Hatta Azad Khan*

1. Pengenalan

Hatta Azad Khan merupakan seorang penulis, pengarah, pengkritik dan sebagainya. Pelbagai hasil karya yang telah beliau hasilkan bermula pada tahap perkembangan drama eksperimental seperti Kerusi (1976), Patung – Patung (1977), Mayat (1978), dan Stesen (1978). Karya beliau dalam penulisan berbentuk realistik seperti Puteri Gunung Ledang (1981), Jebat (1982), Syyy!.... (1984), Awang (1985), Nasib (1986) dan Korporat (1993). Manakala dalam muzikal teater seperti Muzikal Tanah Air (1994), Api dan Angin (1994), Muzikal Tun Perak (2000), dan Muzikal Kampung Baru (2006).kepengarahan yang beliau telah lakukan seperti pengarah untuk filem Wayang yang ditayangkan pada 13 November 2008, Senario Asam Garam, September 2010 dan kembar Siang, 24 Februari 2011. Penglibatan Hatta Azad Khan dalam dunia drama, teater dan perfileman beliau telah banyak memenangi pelbagai anugerah dan hadiah di atas pencapaiannya beliau yang sangat hebat. Beliau mendapat hadiah utama dan hadiah penghargaan bagi Peraduan Menulis Skrip Drama DBP (1976), Skrip Drama Terbaik (1983), Mat Som memenangi Anugerah Lakon Layar Terbaik, Festival Filem Malaysia (1991) dan sebagainya.

Seterusnya *Menunggu Lampu Hijau* ini merupakan pengolahan tentang sebuah kehidupan yang sudah berkeluarga, kehidupan sebagai suami isteri, mempunyai kaitan juga dengan anak menantu dan turut melibatkan cucu. Dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau* berkisahkan tentang Ahmad Bukhari yang bercerita tentang kehidupan tiga orang lelaki yang mempengaruhi kehidupannya dengan berbagai ragam gangguan dan permasalahan yang turut mengheret dirinya untuk mencari atau mencadangkan penyelesaian. Watak utama Ahmad Bukhari merupakan seorang yang belum berkahwin sudah berusia 45 tahun tetapi masih tidak berfikir untuk berkahwin. Ahmad Bukhari membuat M.A dan PhD di bawah penyeliaan Profesor Syed Mahfuz merupakan mentor dan kawan baiknya. Lelaki pertama adalah Profesor Syed Mahfuz, seorang professor yang cuba mengenali dunia yang baru pada penghujung usianya menunggu ‘lampu hijau’ daripada isterinya. Manakala, lelaki kedua iaitu abang sulungnya Ahmad Bakti seorang lelaki yang berhati mulia. Nama gelarannya Ahmad Bakti Pakar IT iaitu Ibu Tunggal. Merupakan seorang pakar motivasi dan perunding keluarga sering memberi ceramah motivasi kepada golongan yang bermasalah atau golongan yang terpinggir seperti kaum ibu tunggal. Lelaki terakhir, lelaki yang ketiga ialah bapaknya. Dia meninggal dunia meninggalkan seorang balu mak kepada Ahmad Bukhari. Tetapi pada hari kematiannya dua orang wanita muncul bersama dengan seorang kecil.

Pementasan teater monodrama ini dilakon oleh seorang sahaja iaitu Shahrul Mizad sebagai Ahmad Bukhari yang memerlukan berlakon kesemua watak dalam teater ini. Teater monodrama bukan mudah untuk dilakonkan, ia memerlukan latihan yang berterusan dan berusaha memperbaiki kesilapan dalam lakonan. Untuk membawa watak dalam teater monodrama ini memerlukan kemampuan seseorang untuk memainkan berbalas watak sekali gus dapat membuat penonton di dalam sebuah panggung teater menangis dan ketawa.

Justeru, dalam kajian ini permasalahan kajian yang di hadapi penulis monodrama dan pengarah teater adalah org yang sama. Monodrama adalah satu genre teater atau drama yang baharu. Manakala Hatta Azad Khan terkenal sebagai seorang penulis dan pengarah teater eksperimental. Untuk kajian ini lebih memberikan fokus kepada adaptasi naskah ke pentasnya.

2. Sorotan Literatur

Kajian adaptasi terhadap pelbagai genre agak banyak dilakukan. Namun, penulisan dalam buku dan artikel mengenai kajian adaptasi monodrama skrip ke pentas kurang dilakukan berbanding

adaptasi cerpen, novel dan puisi. Jumlah penulisan mengenai kajian adaptasi monodrama skrip ke pentas sangat terhad dan kajian adaptasi puisi dan novel lebih popular. Dalam konteks ini, dapat dilihat maklumat dan pengetahuan tentang kajian adaptasi skrip ke pentas adalah kurang.

Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna Wati Ahmad (2017) menerusi tesis Sarjana Sastera yang bertajuk *Puisi ke Teater: Transformasi karya Marzuki Ali*. Kajian ini membincangkan tentang keserasian hubungan antara puisi dan drama yang wujud sebagai ekspresi seni yang unik. Transformasi berkait rapat dengan sesebuah teks yang menjadi komponen dalam teks lain. Perbandingan dibuat antara teks dengan teks yang lain iaitu puisi ke skrip drama hingga ke pentas teater. Pengkaji mengambil contoh skrip drama *Dasila Racau Satwa Luka Rimba Tropika* yang menggabungkan beberapa buah puisi iaitu *Noah Ark Kedua*, *Mawas Sarkasdan Sang Harimaudari Jeritan Satwa Luka*. Tambah pengkaji lagi, penciptaan watak haiwan dan manusia menjadi dasar dalam transformasi karya Marzuki Ali. Pemikiran yang disumbangkan oleh Marzuki Ali dipengaruhi oleh pengalaman dan penelitian dalam pengembaraan yang kemudiannya ditransformasikan daripada puisi ke teater. Jika Mohd Saberi Muda dan Mas Rynna memfokuskan terhadap konsep transformasi daripada puisi ke teater, kajian ini menekankan prinsip yang sama tetapi berbeza dari segi analisis dari aspek watak, latar dan plot. Jadi, kajian tersebut menjadi penambahan maklumat berkaitan analisis intertekstual dalam karya Marzuki Ali. Justeru, kajian lepas yang dilakukan amat terhad. Kajian terhadap Marzuki Ali masih kurang seperti juga drama. Kajian intertekstual terhadap drama masih kurang dan tidak ramai yang membuat kajian mengenai drama. Terdapat banyak kajian intertekstual yang dilakukan terhadap genre lain seperti novel dan puisi dalam kajian lepas. Hal ini menunjukkan bahawa kajian intertekstual perlu ditambah sebagai lanjutan atau penambahan pengetahuan kepada masyarakat.

Mohamed Nazreen Shahul Hamid yang mengkaji mengenai adaptasi teks *Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif*. Kajian ini lebih menekankan mengenai kajian yang bertujuan membandingkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan teks sumbernya dari sudut unsur naratif, iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema untuk melihat sejauh mana wujudnya persamaan dan perbezaan antara filem dengan karya tersebut, dan menganalisis serta menilai bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Teori adaptasi oleh Desmond dan Hawkes telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dilaksanakan melalui gembengan kaedah kepustakaan, temu bual, analisis tekstual, dan pencarian maklumat dalam internet.

Manakala, Buku penulisan Robert Leah (2008) yang bertajuk *Theatre Studies the Basics*, penulisan beliau ini menghuraikan dengan lebih jelas tentang teater, drama dan seni persembahan dari segi teori sehinggalah kepada praktikal. Bukan itu sahaja, beliau turut ada memberikan penerangan tentang bagaimana sejarah perkembangan teater, asal usul teater dan sebagainya. Beliau juga memperjelaskan tentang konsep teks dan makna dalam sesebuah persembahan teater turut di kaji. Kajian beliau ini tidak memberikan fokus utama kepada mana-mana teater malah banyak menggunakan pelbagai contoh teater yang ada di dunia meliputi keseluruhan pementasan teater itu. Oleh itu, perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa kajian yang berkaitan dengan adaptasi skrip ke teater *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan masih belum ditemui lagi dalam kajian lepas.

3. Metodologi

Terdapat lebih daripada 20 jenis metodologi kajian. Metodologi kajian yang digunakan adalah jenis kajian fundamental. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian dilakukan dengan membuat penyelidikan dan pemahaman tajuk yang berkaitan. Kemudian, mengenalpasti permasalahan kajian dan objektif kajian. Penyelidikan tersebut melibatkan pengumpulan data sama ada dalam bentuk teks atau imej. Kajian ini mengaplikasikan teori adaptasi terhadap skrip *Menunggu Lampu Hijau*.

Seterusnya, kajian kepustakaan dilakukan bagi mengkaji tajuk berkaitan. Bahan bacaan ilmiah didapatkan dan diteliti supaya maklumat berkaitan dapat ditemukan. Pentafsiran dilakukan bagi mengenalpasti maklumat yang berkaitan sahaja ditambah dalam kajian. Maklumat yang tidak berkaitan ditapis supaya maklumat yang digunakan tepat, padat dan sesuai dengan kajian. Pembacaan rapi dilakukan dengan merujuk pada buku-buku yang didapati di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Institut Alam, Tamadun Melayu (ATMA) dan Perpustakaan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU). Buku-buku tersebut terdiri daripada buku rujukan berilmiah Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Kaedah pengumpulan data daripada pembacaan buku-buku dapat menambahkan pengetahuan mengenai tajuk yang dikaji. Antara buku yang dibaca dan diteliti adalah berkaitan dengan biografi tokoh, teori adaptasi, teater, monodrama dan buku Hatta Azad Khan. Buku-buku tersebut ditulis oleh pelbagai pengarang yang hebat termasuklah pengarang Hatta Azad Khan.

Tambahan lagi, pembacaan juga dibuat dengan merujuk artikel jurnal dan tesis. Jurnal dan tesis tersebut banyak membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Terdapat pelbagai maklumat yang telah diperolehi berkaitan kajian. Sebagai contoh, kajian mengenai Hatta Azad Khan, kajian adaptasi terhadap drama, puisi, cerpen, novel dan teater. Kesemua maklumat digunakan untuk menambahkan pengetahuan dan pengumpulan data secara menyeluruh. Pembacaan jurnal dan tesis tersebut dilakukan di Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM Bangi. Pengumpulan data melalui jurnal dan tesis dapat meneliti kelebihan, kelemahan, kepentingan dan tujuan kajian dengan lebih jelas.

Di samping itu, pengumpulan data juga dibuat melalui internet. Terdapat pelbagai web yang menawarkan bahan-bahan yang dikehendaki. Input yang diperolehi dapat digunakan sebagai bahan sampingan bagi mengukuhkan sesuatu penerangan. Laman web juga membantu dalam mendapatkan data kajian bagi aspek-aspek tertentu. Sebagai contoh, melayari laman web Wikipedia mengenai tokoh dan drama yang dikaji. Laman web dipilih terlebih dahulu supaya maklumat yang diperolehi mempunyai fakta yang benar dan boleh diterima akal.

4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada penelitian mendapati adaptasi diaplikasikan dalam Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* (2015) karya Hatta Azad Khan. Adaptasi ini memperlihatkan pemindahan yang dilakukan dalam hiperteks. Dalam bab ini perbandingan dilakukan antara skrip dengan pentas. Prinsip adaptasi yang diaplikasikan membuktikan pengarang membuat penyalinan semula terhadap skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* ke pentas. Perbincangan difokuskan kepada adaptasi dari aspek tema, plot dan watak perwatakan.

4.1 Tema

Bagi sebuah karya yang diadaptasikan, sudah pasti Hatta Azad Khan mengekalkan tema yang berada dalam skrip ditonjolkan dalam pementasan teater itu adalah berpoligami. Pengarang masih mengekalkan tema yang asal daripada skrip ke pentas. Berdasarkan skrip dan pementasan pentas tema berpoligami ini menceritakan tentang kehidupan Ahmad Bakti yang

berkahwin empat dengan janda. Walaupun pelbagai cacian dan hinaan yang di dapat Ahmad Bakti tetap dengan penderiannya untuk kahwin dengan janda. Tetapi Ahmad Bakti telah membuktikan kepada orang sekelilingnya dia dan isteri – isterinya mampu juga berjaya dengan usaha sendiri. Buktinya dapat dilihat pada petikan dialong berikut:

AHMAD BUKHARI: ... Kita buka cerita baru pasal abang sulung saya, Ahmad Bakti Pakar IT. Abang Bakti ni pun lambat kahwin. Dia seorang pakar motivasi dan perunding keluarga. Sering dijemput untuk memberikan ceramah motivasi terutama golongan yang bermasalah atau golongan yang terpinggir. Minat dia ialah memberi ceramah kepada kaum ibu tunggal. Tadi saya kata abang sulung saya pakar IT kan? IT itu sebenarnya gelaran yang dia dapat daripada adik-adik dan kawan-kawan rapat. IT tu bukan Information technology tapi Ibu Tunggal. Itulah abang Ahmad Bakti. Dia paling kaya. Kaya bini, kaya anak dan kaya harta. Tetapi budi bahasa dia pun kaya juga! “jan” yang berjaya memecahkan teruna abang pada malam yang baru berusia 26 tahun dengan dua orang anak kecil berusia tiga dan lima tahun. Dan selepas perkahwinan pertama, abang meneruskan khidmat baktinya kepada golongan “jan” atau ibu tunggal...

(Hatta Azad Khan, 2015: 135)

Berdasarkan pementasan teater pula Ahmad Bukhari telah menceritakan tentang abangnya yang berkahwin ramai Ahmad Bakti sama seperti yang berada di dalam skrip asal. Sebagai contohnya, Ahmad Bukhari memberitahu bahawa abangnya itu suka menolong dan memberi ceramah kepada golongan yang terpinggir seperti golongan janda. Ahmad Bakti juga seorang yang membela dan nasib janda – janda dengan memberikan bantuan dan kerja.

Disamping itu, kerana status yang dimiliki oleh Ahmad Bakti seorang yang berpoligami dan isu itu sangat sensitif kepada masyarakat ia tidak menghalang Hatta Azad Khan untuk mengekalkan tema tersebut. Pementasan teater ini telah mengangkat status sosial janda – janda yang sering dipandang rendah oleh masyarakat. Watak – watak di dalam kedua-dua genre cerita ini hampir ke semua watak lelaki berpoligami. Abah selama ini telah menolak perlawanan anaknya Ahmad Bakti untuk berpoligami dan mak tidak pernah setuju dan menolak sehinggakan dia tidak membenarkan anaknya pulang ke rumah. Pada hari abah meninggal dunia mereka dikejutkan dengan kedatangan dua orang wanita muda yang mendukung anak kecil masing- masing datang dari Kelantan dan Siam. Wanita tersebut mengakui bahawa dia adalah isteri yang sah kepada Cik Mat Yatim iaitu abah. Yang tidak berpoligami hanya Ahmad Bukhari kerana dia telah berkahwin dengan janda iaitu Syarifah Edora Syed Salim dan Profesor Syed Mahfuz kerana beliau meninggal dunia. Jelaslah bahawa tema bagi skrip dan pementasan teater ini adalah poligami. Bagi mengembangkan lagi tema ini Hatta Azad Khan telah memasukkan isu-isu kesetiaan sebagai penghalang kepada poligami.

Melihat kepada konflik yang dikekalkan oleh Hatta Azad Khan menunjukkan bahawa beliau ingin menggambarkan keadaan sebenar masyarakat sekarang yang sensitif terhadap isu poligami. Dalam cerita ini turut dinyatakan perkembangan cerita kenapa lelaki mahu berpoligami walaupun sudah mempunyai seorang isteri. Sehinggakan ada yang sanggup berkahwin tanpa pengetahuan isteri pertama. Terbukti apabila kehadiran isteri-isteri muda abah hadir pada hari perkebumiannya. Sehingga mak mengamuk tidak menyangka suaminya berkahwin lain dibelakangnya. Hal ini terbukti di dalam skrip dan pementasan teater seperti petikan berikut:

AHMAD BUKHARI (berteleku): Bakpo gak duk teriok terohong atah kubur ayoh sayo ni?

AHMAD BUKHARI sebagai SEMOH USIN: Ni, hok mati ni Cik Mat Yatim?

AHMAD BUKHARI: Yolah tu!

AHMAD BUKHARI sebagai SEMOH USIN: Namo sayo Semoh Usin. Cik Mat Yatim Suami sayo, ni anak dio!

(Hatta Azad Khan,2015,161)

AHMAD BUKHARI: Dari mana? Where are you from? Siam? Siam di mana? Kecek Melayu boleh?

AHMAD BUKHARI sebagai PATMA SUWUNPUKDE: Narathiwat!

AHMAD BUKHARI: Agama? Islam?

AHMAD BUKHARI sebagai PATMA SUWUNPUKDE: Muselim!

AHMAD BUKHARI: Namo?

AHMAD BUKHARI sebagai PATMA SUWUNPUKDE: Patma! Suwunpukde.

AHMAD BUKHARI sebagai PATMA SUWUNPUKDE: Suwun...Suwunpukde? Abe Yatim laki sayo. Ni anak kecil dio!

(Hatta Azad Khan,2015: 163)

AHMAD BUKHARI: ...Balik rumah, mak tanggalkan semua gambar abah dah campak keluar tingkap. Semua perkataan carut – carut keluar dari mulut mak. Abang Bakti pungut gambar satu – satu dan masuk kotak...

(Hatta Azad Khan,2015: 165)

Petikan tersebut jelas menunjukkan kehadiran dua orang wanita dari Thailand itu telah mengejutkan ahli keluarga Ahmad Bukhari yang mengaku sebagai isteri muda ayahnya. Kesemua mereka tidak menyangka dalam diam ayahnya telah berkahwin lain. Emak Ahmad Bukhari tidak dapat menerima keadaan itu terus mengamuk dan mencampak gambar-gambar suaminya. Siapa yang menyangka seorang ustaz yang pergi berdakwah telah membina masjid baru di sana.

4.2 Plot

Plot penting untuk digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan karya. Plot adalah alur cerita iaitu struktur rangkaian kejadian dalam cerita yang disusun sebagai urutan bahagian-bahagian dalam keseluruhan fiksi. Ia merupakan susunan peristiwa dalam sesuatu cerita supaya lebih menarik. Plot merupakan kesepaduan unsur-unsur yang membangun cerita sehingga menjadi kerangka utama cerita. Dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau*, pengarang memuatkan plot jenis kompleks iaitu tidak mengikut urutan. Plot ini memperlihatkan campuran dengan teks lain bagi membina pementasan teater tersebut. Plot amat penting bagi memaparkan jalan cerita yang menunjukkan kekreatifan pengarang dalam menghasilkan karya. Sebuah cerita menjadi menarik dengan plot yang dibina oleh pengarang. Terdapat lapan babak dalam

teater monodrama *Menunggu Lampu Hijau* kerana jalan ceritanya yang panjang dan agak susah untuk dibaca. Tetapi dalam setiap babak mempunyai peristiwa-peristiwa yang penting menunjukkan alur cerita yang dibina.

Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* memperlihatkan Hatta Azad Khan menggunakan plot kronologi berdasarkan cerita dari skrip bermula dari babak pertama sehingga babak yang ke lapan ianya berturutan. *Menunggu Lampu Hijau* ini bermula dengan dialog tentang watak utama Ahmad Bukhari. Ahmad Bukhari adalah penggerak cerita yang memulakan kisah kehidupannya bersama keluarga dan orang sekelilingnya. Ahmad Bukhari menggunakan teknik imbas kembali terhadap cerita kehidupan mereka semua. Ahmad Bukhari juga menceritakan tentang latar belakang keluarganya pada awal babak. Pengarang telah mewujudkan Ahmad Bukhari untuk memulakan kisah tentang siapa ahli keluarganya dan juga dirinya. Babak pertama menunjukkan permulaan cerita yang memberi penerangan kisah hidup ahli keluarga Ahmad Bukhari. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dialog seperti berikut:

AHMAD BUKHARI: Nama saya Ahmad Bukhari. Saya anak yatim piatu. Bapa saya Yatim dan Mak bukanlah piatu. Nama mak sebenarnya Sepia, dan mengikut ceritanya kawan-kawan rapat panggil dia Pia, dan kalau ada kawan baru yang belum kena, akan bertanya, "Pia mana?" "Pia tu! Daripada jawapan itu jadinya piatu. Maka saya adalah anak kepada yatim dan piatu. Bapa dan mak saya dah jadi arwah. Abang-abang selalu mengusik saya dengan mengatakan mak meninggal sebab kecewa anak bongsunya tidak kahwin-kahwin dan Abah pula sedikit kecewa anak bongsunya ada sedikit kelembutan. Bapa memberikan nama yang cukup mudah pada anak-anak. Semuanya mula dengan perkataan Ahmad, anak pertama Ahmad Bakti, anak kedua Ahmad Bukhari, nak ketiga Ahmad Badri dan saya Ahmad Bukhari, Ahmad Bukhari Yatim...

(HattaAzad Khan, 2015: 125)

Petikan tersebut jelas menunjukkan perbualan Ahmad Bukhari mengenai keluarganya. Karya ini mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat sekali gus mengangkat teater monodrama *Menunggu Lampu Hijau* ni sendiri. Teknik imbas kembali yang digunakan oleh pengarang memperlihatkan kisah kehidupan sebuah keluarga yang dimiliki oleh Ahmad Bukhari.

4.3 Watak Perwatakan

Watak bermaksud pelaku yang menggerakkan cerita menerusi aksi dan dialog. Perwatakan pula adalah teknik pengarang menggambarkan dan melukiskan sesuatu watak (Sulaiman Masri, 2006). Watak yang digambarkan oleh pengarang mempunyai tujuan yang tertentu. Terdapat beberapa watak dalam sesebuah cerita iaitu protagonis, antagonis dan sampingan (Victoria Haniey, 2012). Kebiasaannya, watak utama dalam karya dikenali sebagai protagonis yang berkisar tentang kehidupannya. Watak dan perwatakan seseorang amat penting bertujuan untuk menghidupkan dan memperkembang lagi sesebuah monodrama. Watak merupakan objek atau pelaku yang penting dalam sesebuah jalan cerita. Watak adalah penggerak utama bagi memperlihatkan jalan cerita yang dibina. Watak juga diwujudkan untuk mengubah atau mengatasi terhadap sesuatu keadaan atau suasana pada sesuatu tempat. Watak berupaya untuk mencetuskan konflik atau pertentangan sama ada secara dalaman mahupun luaran. Dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau*, pengarang memilih beberapa watak untuk mengembangkan tema, persoalan dan plot. Watak-watak yang diambil terdiri daripada watak sebenar dan watak yang direka atau diciptakan. Setiap watak memainkan peranan tertentu

dalam menguatkan jalan cerita sesebuah monodrama. Protagonis adalah kata yang berasal dari perkataan Yunani iaitu protagonistes yang bermaksud watak utama dalam buku, filem, teater, drama, cerpen dan sebagainya. Definisi protagonis dapat difahami berdasarkan dua bidang iaitu kesusasteraan dan perubatan. Berdasarkan bidang kesusasteraan, protagonis adalah watak utama dalam cerita fiksi. Di samping itu, protagonis juga boleh ditakrifkan sebagai penyokong pemahaman. Protagonis sering digambarkan sebagai tokoh melawan antagonis. Watak antagonis itu sendiri boleh didefinisikan sebagai tokoh yang bertentangan. Terdapat juga watak pelengkap dalam cerita yang mempunyai watak protagonis. Watak protagonis biasanya memainkan watak yang membawa misi kebaikan. Protagonis adalah watak yang sentiasa dalam keadaan percubaan, menghadapi masalah besar dan menunjukkan sikap positif. Protagonis dan antagonis mempunyai sikap menentang. Walau bagaimanapun, kehadiran antagonis dan protagonis adalah perlu untuk menyokong cerita yang menarik. Tetapi dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau* tidak digambarkan dengan jelas watak antagonis lebih kepada watak protagonis. Terdapat sebelas watak yang digunakan oleh pengarang dalam monodrama tersebut iaitu Ahmad Bakti, Profesor Syed Mahfuz, Syarifah Edora, Norma, Habibah, Rozita, Rugayah, Cik Sepia, Semon Usin, Patma Suwunpukde, kawan Ahmad Bakti dan Lawyer syarikat milik Ahmad Bakti.

4.3.1 Watak Utama

Watak utama dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau* adalah Ahmad Bukhari. Watak tersebut menjadi dasar pembinaan karya. Watak utama ini memainkan peranan yang penting dalam mengerakkan jalan cerita daripada awal cerita kepada pengakhirannya. Ahmad Bukhari menunjukkan sifat dan watak seorang lelaki yang normal dan terlajak bujung kerana ketika menginjak usia 40 tahun dia masih lagi tidak berkahwin. Malah, kerana dia juga seorang yang lembut sebagai lelaki antara sebab kenapa dia masih lagi bujang. Watak utama ini kebanyakannya wujud di kalangan masyarakat luar sana. Watak Ahmad Bukhari masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat hari ini. Ia adalah tarikan utama kerana masyarakat sangat teruja dan suka dengan watak perwatakan yang dimiliki oleh Ahmad Bukhari. Sebagai contoh, petikan adalah seperti berikut:

AHMAD BUKHARI: ...abang-abang selalu mengusik saya dengan mengatakan mak meninggal sebab kecewa anak bongsunya tidak kahwin-kahwin dan Abah pula sedikit kecewa anak bongsunya ada sedikit kelembutan. Bapa memberikan nama yang cukup mudah pada anak-anak. Semuanya mula dengan perkataan Ahmad, anak pertama Ahmad Bakti, anak kedua Ahmad Bukhari, nak ketiga Ahmad Badri dan saya Ahmad Bukhari, Ahmad Bukhari Yatim atau kadang-kadang saya ringkaskan jadi Ahmad B. Yatim atau Ahmad Yatim. Selepas dapat anak jantan mak dan abah berharap sangat nak timang anak perempuan. Mak dah siapkan baju-baju bayi perempuan warna pink. Tapi yang keluar anak jantan juga, saya! Ikut cerita abah, mak pakaikan juga baju perempuan waktu saya kecil...

(HattaAzad Khan, 2015: 125-126)

Petikan tersebut menerangkan tentang watak utama iaitu Ahmad Bukhari yang merupakan seorang lelaki yang masih lagi bujang walaupun dah berusia 40 tahun. Ketika dia kecil Ahmad Bukhari bercerita maknya mengharapkan anak perempuan yang bongsu tetapi yang keluar adalah dirinya lelaki. Ketika kecil juga maknya selalu pakaikan dia perempuan dan baju warna pink mungkin itu juga sebab kenapa dia mempunyai sifat yang lembut daripada

abang-abangya yang lain. Abang-abangnya selalu mengusiknya abah dan maknya meninggal kerana kecewa dia ada kelembutan itu.

4.3.1 Watak Sampingan

Akhir sekali, watak sampingan juga memainkan peranan penting dalam mengerakkan sesebuah cerita. Watak sampingan berperanan untuk menguatkan dan memberikan kesan pada suatu peristiwa dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Pengarang memuatkan watak-watak sampingan yang terdiri daripada Profesor Syed Mahfuz, Syarifah Edora, Norma, Habibah, Rozita, Rugayah, Cik Sepia, Semon Usin, Patma Suwunpukde, Kawan Ahmad Bakti dan Lawyer Ahmad Bakti. Watak sampingan ini mewujudkan interaksi dengan watak utama. Contoh watak dan perwatakan dapat dilihat seperti berikut:

JADUAL 1: watak sampingan dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau*

Watak	Perwatakan
Profesor Syed Mahfuz	Guru, mentor dan kawan baik kepada Ahmad Bukhari. Seorang suami kepada Syarifah Edora dan mempunyai 3 orang anak seorang perempuan dan dua lelaki.
Syarifah Edora	Isteri kepada Profesor Syed Mahfuz. Memiliki butik pakaian sendiri dan seorang yang tidak setuju tentang poligami
Norma	Ibu tunggal kerana suami mati. Kilang jahit baju kurung, baju Melayu dan baju kebaya sulam.
Habibah	Ibu tunggal suami meninggalkannya. Ada kilang buat kek dan biskut
Rozita	Ibu tunggal suaminya mati kemalangan. Ada kilang produk kecantikan ubat-ubatan tradisional
Rugayah	Ibu tunggal suaminya kaki perempuan. Ada kilang proses bahan masakan, cili boh bawang putih, bawang merah, halia, kunyit, lengkuas.
Cik Sepia	Mak kepada Ahmad Bukhari dan Ahmad Bakti. Isteri kepada Yatim dan tidak dapat menerima isteri-isteri muda suaminya yang berkahwin di sepadan Thailand
Patma Suwunpukde	Isteri muda abah Ahmad Bukhari. Mempunyai seorang anak dengan Yatim. Berasal dari Thailand. Datang pada hari kematian suaminya.
Lawyer Ahmad Bakti	Orang yang menyelesaikan masalah isteri muda abahnya dengan melakukan ujian DNA

Sumber: monodrama *Menunggu Lampu Hijau*

Watak perwatakan sampingan turut memberikan kesan yang penting terutama kepada watak utama. Watak sampingan adalah penggerak kepada watak utama untuk menjadikan cerita yang ingin di tonjolkan sampai kepada penonton. Tanpa watak sampingan watak utama tidak mampu untuk bergerak sendiri. Dengan adanya watak sampingan jalan cerita lebih menyeronokkan dan tidak membosankan.

5 Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, analisis membicarakan adaptasi monodrama *Menunggu Lampu Hijau* dari skrip ke pentas yang dilakukan oleh pengarang. Melalui perbincangan tersebut, dapat dilihat pengarang adaptasikan beberapa aspek daripada skrip ke pentas. Aspek-aspek yang diadaptasikan oleh pengarang adalah tema, plot dan watak perwatakan. Pengarang memindahkan kesemua aspek tersebut diadaptasikan ke pentas dalam bentuk persembahan teater. Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* mengekalkan tema yang berada dalam skrip ditonjolkan dalam pementasan teater iaitu berpoligami. Pengarang masih mengekalkan tema yang asal daripada skrip ke pentas. Berdasarkan skrip dan pementasan pentas tema berpoligami dikenali pasti ia menggunakan prinsip Aristotle yang telah membina karya. Kesemua lelaki berfokuskan pada berpoligami dan wanita menjadi pusat utamanya. Dari pelbagai konflik yang timbul kerana perkara ini. Terdapat lapan babak dalam monodrama ini dan beberapa peristiwa yang menjadi teras dalam menghasilkan karya.

Selain itu, prinsip adaptasi dapat dikenali pasti melalui aspek watak. Watak yang terdapat dalam skrip disalin semula ke dalam pementasan teater monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Hal ini menunjukkan pengarang tidak mengubah nama dan perwatakan asal yang berada dalam skrip sebelum diadaptasikan. Watak terdiri daripada Sembilan orang iaitu Profesor Syed Mahfuz, Syarifah Edora, Norma, Habibah, Rozita, Rugayah, Cik Sepia, Patma Suwunpukde dan Lawyer Ahmad Bakti. Kesemua watak memainkan peranan tertentu mengikut kesesuaian peristiwa dan babak dalam skrip. Watak utama penting menghidupkan sesebuah cerita manakala watak sampingan menjadi pendokong bagi memberikan kesan terhadap drama yang dihasilkan.

Seterusnya, pengarang juga adaptasi plot dalam dalam menghasilkan karyanya. Plot adalah alur cerita iaitu struktur rangkaian kejadian dalam cerita yang disusun sebagai urutan bahagian-bahagian dalam keseluruhan fiksi. Ia merupakan susunan peristiwa dalam sesuatu cerita supaya lebih menarik. Plot merupakan kesepaduan unsur-unsur yang membangun cerita sehingga menjadi kerangka utama cerita. Dalam *skrip Menunggu Lampu Hijau*, pengarang memuatkan plot jenis kompleks iaitu tidak mengikut urutan. Plot ini memperlihatkan campuran dengan teks lain bagi membina pementasan teater tersebut. Plot amat penting bagi memaparkan jalan cerita yang menunjukkan kekreatifan pengarang dalam menghasilkan karya. Adaptasi dimuatkan dalam karya menggunakan plot secara tidak tersusun kerana kisahnya berakhir dengan kejanggalan yang menjadi tanda tanya dalam drama tersebut. Plot ini menjadikan sebuah cerita monodrama ini satu unsur pembinaan monodrama. Terdapat beberapa peristiwa yang menjadi tunggak utama dalam babak monodrama tersebut dengan adanya teknik imbas kembali dan dialog.

Jelaslah, Hatta Azad Khan menggarap monodrama *Menunggu Lampu Hijau* dengan prinsip-prinsip adaptasi seperti plot, tema dan watak perwatakan. Semua aspek dalam babak satu sehingga lapan dikekalkan. Tema, plot dan semua watak dan perwatakan dalam karya dikekalkan serta ditampilkan sepertimana dalam karya di atas pentas. Adaptasi ini amat setia dengan naskah asalnya disebabkan penulis dan pengarah teater ini adalah individu yang sama. Hal ini kerana tanpa elemen-elemen tersebut sesebuah karya tidak akan memberikan kesan yang mendalam terhadap pembaca. Itu adalah satu cara daya penarik dalam karya tersebut. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian berkaitan dengan Hatta Azad Khan akan diteruskan supaya dijadikan sebagai rujukan kepada generasi akan datang dengan mempertingkatkan lagi kajian yang sedia ada. Tambahan pula, kajian mengenai teori adaptasi ini masih kurang dan tidak meluas.

Rujukan

- Hatta Azad Khan. (2015). *OTG*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md Salleh Yaapar & Mohamamed Nazreen Shahul Hamid.(2015). *Adaptasi Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati. (2017). *Puisi ke Teater: Transformasi karya Marzuki Ali*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robert Leah. (2008). *Theatre Studies the Basics*. London: Routledge Taylon & Francis Group
- Sulaiman Masri.(2006). *Bahasa Melayu: Dimensi. Pengajaran. Dan. Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Victoria Haniey.(2012). *Kuasai Cerita Anda*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.